



KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
TINGKAT 14, BLOK B, KOMPLEKS KERJA RAYA
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50580 KUALA LUMPUR

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan di Kementerian Kerja Raya Malaysia seperti berikut:

**1. JAWATAN : PEGAWAI KOMUNIKASI STRATEGIK GRED S47/48
PEGAWAI KOMUNIKASI STRATEGIK GRED S41**

a) GRED	:	S47/48 S41
b) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERKHIDMATAN SOSIAL
c) KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
d) TARAF JAWATAN	:	KONTRAK
e) BILANGAN KEKOSONGAN	:	2
f) JADUAL GAJI	:	S47/48 MINIMUM - RM 4,914.00 MAKSIMUM - RM 10,552.00 S41 MINIMUM - RM 1,909.00 MAKSIMUM - RM 8,644.00

2. SYARAT LANTIKAN

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED S41

- (i) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau (Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM1,909.00); atau
- (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau (Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,112.86); atau

- (iii) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,521.70); atau
- (iv) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,828.32).

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PEGAWAI KOMUNIKASI STRATEGIK GRED S43, S47, S51, S53

Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Komunikasi Strategik Gred S43, S47, S51 atau S53 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) memenuhi syarat lantikan ke Gred S41; dan
- (b) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred S43: RM3,363.00/
Gaji permulaan lantikan pada Gred S47: RM4,914.00/
Gaji permulaan lantikan pada Gred S51: RM5,532.00/
Gaji permulaan lantikan pada Gred S53: RM5,830.00).

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred S41, S43, S47, S51, S53 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

5. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab merancang, menganalisis isu-isu berkaitan dasar negara dan isu semasa, mempromosi dasar dan program kerajaan dan memantau isu berkenaan di media sosial seperti Facebook, Twitter, Youtube, blog, portal dan sebagainya.

6. CARA MEMOHON

- (a) Kemukakan resume beserta gambar berukuran pasport ke emel yang tertera seperti berikut : cthalimah@kk.gov.my
- (b) Tarikh tutup permohonan ialah pada **6 April 2015** (Isnin);
- (c) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas SATU (1) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.